

# **Pendekatan Keagamaan Dalam Hubungan Religiositi Dan Kesejahteraan Remaja Berisiko**

ZAIZUL AB RAHMAN<sup>1</sup>

## **Abstrak**

*Penghayatan Religiositi merupakan elemen penting seseorang individu ke arah pembentukan akhlak yang sejahtera. Oleh itu, objektif kajian dalam artikel ini adalah untuk mengukur tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja berisiko. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratangan-lintang (cross-sectional survey) secara kuantitatif dan kualitatif. Seramai 30 orang remaja berisiko telah dipilih sebagai responden kajian. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif dan interview secara mendalam. Hasil kajian menunjukkan majoriti remaja berisiko yang terlibat dalam kajian ini memperkenan tahap Penghayatan Religiositi pada tahap sederhana dan rendah iaitu masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 43.6 peratus. Hasil kajian menunjukkan hanya 4.5 peratus sahaja dalam kalangan remaja berisiko menunjukkan tahap Penghayatan Religiositi yang tinggi. Hasil kajian ini memberi implikasi ke arah pemantapan program kerohanian yang melibatkan remaja berisiko bagi tujuan membina kesedaran dan keinsafan yang tinggi untuk menjadi seorang yang berperibadi mulia dan mampu membentuk jati diri yang lebih sejahtera dengan mematuhi peraturan dan undang-undang negara.*

**Kata kunci:** pengetahuan agama, remaja, akhlak, kesejahteraan

## **Abstract**

*The Experiential Religiousness is an essential element of an individual towards the creation of a prosperous character. Therefore, the objective of the study in this article is to measure the level of religious knowledge among adolescents at risk. This study was carried out using a cross-sectional survey design quantitatively. A total of 30 adolescents at risk were selected as respondents for the study. The data obtained were analyzed by using descriptive test. The findings show that the majority of adolescent adolescents involved in this study demonstrate the degree of Experiential Religiousness at medium and low levels, each registering a percentage of 48.6 per cent. The results showed that only 4.5 per cent of adolescents were at risk of high levels of Relaxation. The results of this study have implications for the enhancement of spiritual programs involving adolescents at risk for the purpose of building high awareness and realization to be a noble person and capable of forming a better sense of identity by complying with national laws and regulations.*

**Keywords:** Religious Knowledge, Risk Adolescent, Wellbeing

## **Pendahuluan**

Kajian terhadap religiositi dan hubungannya dengan kesihatan yang menggunakan metod empirikal kini telah mengfokuskan dari sudut mental dan juga fizikal seseorang itu. Sesuatu perkara yang pasti ialah pelbagai dimensi dalam religiositi telah menolong sedikit sebanyak dalam memahami kesihatan mental. Secara umumnya, sesiapa yang berpegang kepada agamanya dengan kukuh telah membuktikan mereka di antara golongan yang tidak mempunyai masalah mental. Contohnya dalam sesebuah kajian dari 720 rakyat dewasa Amerika melaporkan bahawa

<sup>1</sup> Senior Lecturer (Ph.D), Centre for Aqidah and Global Peace, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: zaizul@ukm.edu.my

bagi sesiapa yang kuat pegangan agamanya, contohnya menghadiri gereja, ianya mempunyai kesihatan mental yang kuat dan kurang mendapatkan stress dalam kehidupannya. Menurut pakar dan para pengkaji, religiositi menunjukkan kesan yang positif antara religiositi dan kesihatan mental. Lebih-lebih lagi kesan stress ini akan berkurangan apabila mempunyai hubungan rohani yang kuat. Kajian di kalangan orang-orang dewasa dari *1988 NORC General Social Survey* telah menunjukkan bahawa kekuatan dalam kepercayaan Tuhan telah mengurangkan kesan negatif dalam trauma. Mereka juga merasakan kehidupan mereka itu mempunyai nilai dan bermakna. Mereka juga lebih mempunyai semangat dalam kehidupan dan kepercayaan diri. Manakala, di Kanada, sesiapa yang berpegang kepada agama dan terlibat dalam pelbagai aktiviti agama, mereka menyatakan bahawa mereka bahagia dengan kehidupan mereka dan bersyukur dengan kehidupan mereka. Bagi siapa yang mempraktikkan agama, didapati kesihatannya lebih baik dari yang kurang mengamalkan agama dan dapat menghindari dari pelbagai penyakit.

Pendidikan jiwa adalah hak dan peribadi seseorang tetapi ia adalah salah satu cara yang berkesan dalam menangani kerakusan jiwa untuk tunduk kepada sesuatu tindakan yang berunsurkan negatif (Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Ahmad Tarmizi Talib, 2010). Aspek keagamaan penting untuk memastikan seseorang individu tidak terjebak melakukan perkara-perkara negatif yang boleh merosakan akhlak dan jati diri. Dalam aspek keagamaan perlu diberi penekanan khusus kerana melalui keagamaan ia membantu memberi kesedaran yang tinggi dalam kalangan remaja berisiko untuk membina kehidupan yang lebih sejahtera. Johnson, et al., (2000) mendapati remaja berisiko yang mempunyai kepatuhan yang tinggi kepada agama merupakan individu yang kurang terdedah melakukan aktiviti jenayah kepada masyarakat. Individu yang mempunyai pegangan agama yang baik dilihat cenderung menjadikan agamanya sebagai panduan dalam membuat sesuatu keputusan bagi menentukan kehidupan yang berjaya. Pandangan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh O'Conner dan Parreyclear (2002) yang mendapati remaja berisiko yang kerap terlibat dengan aktiviti keagamaan menunjukkan kadar penurunan dalam pelanggaran peraturan yang berkaitan dengan remaja berisiko. Dapatan daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor keagamaan merupakan aspek penting dalam proses pemulihan yang melibatkan remaja berisiko. Kajian yang dijalankan oleh Roman, et al., (2007) pula mendapati remaja berisiko yang mempunyai pegangan agama dan spiritual yang rendah menunjukkan kadar kecinciran sebanyak 34 kali dalam program kem remaj berisiko yang dijalankan berbanding dengan remaja berisiko yang telah berubah secara positif melalui keagamaan/spiritual. Manakala kajian yang dijalankan oleh Zaizul, et al., (2018) pula mendapati bahawa individu yang memiliki daya tindak keagamaan secara positif mempunyai simptom kemurungan yang rendah berbanding mereka yang mempunyai daya tindak keagamaan yang negatif tetapi menunjukkan simptom kemurungan yang tinggi. Menurut Zaizul, et al., (2018) lagi, remaja berisiko yang mempunyai tahap kemurungan yang tinggi juga kebiasaannya mempunyai masalah yang berkaitan dengan kesihatan diri. Seseorang individu yang berpegang kuat terhadap ajaran agama dilihat sentiasa menjalankan tanggungjawab agama dengan baik, melakukan tingkah laku berlandaskan tuntutan agama serta akan mendahulukan suruhan agama dalam segala hal yang dilakukan. Kajian yang dijalankan oleh McDonald dan Gorsuch (2000) mendapati agama merupakan suatu cara seseorang individu untuk menggunakan keyakinannya dalam menangani tekanan dan masalah-masalah yang wujud dalam hidupnya. Manakala kajian yang dijalankan oleh Lewis (2002) pula mendapati wujudnya perhubungan yang signifikan antara individu yang mempunyai pengetahuan agama dan kebahagiaan hidup. Sesungguhnya agama memberikan arah dan makna kehidupan kepada seseorang. Selain itu, seseorang yang mempunyai pengetahuan agama yang tinggi juga dilihat mampu mengurus tekanan dan dapat menangani sesuatu keadaan sukar dalam keadaan yang tenang (Kasberger, 2002). Sebaliknya, pakar dalam bidang keagamaan menyatakan bahawa kurangnya penghayatan dan pengetahuan agama dalam kalangan generasi muda dan belia juga merupakan faktor utama menyebabkan statistik yang berkaitan dengan masalah sosial meningkat terutama hal yang berkaitan dengan aktiviti remaja berisiko (Zaizul, 2018). Menurut al-Muhasibi (243 Hijrah) ilmu tawasuf Islam ialah pendidikan jiwa secara teori dan amali, penawar bagi penyakit hati, menanam sifat terpuji, membuang sifat buruk, mengawal hawa nafsu, melatih kesabaran, keredhaan dan ketaatan. Ia juga latihan melawan hawa nafsu dan muhasabah diri terhadap apa yang dilakukan dan perkara yang

perlu ditinggalkan, menjaga hati daripada pintu kelalaian dan fikiran negatif. Begitu juga ilmu tasawuf meninggalkan perkara yang menghalang seseorang hamba daripada mendekati Allah SWT. Meninggalkan setiap perkara yang dekat di hati dan menghalang daripada berzikir. Tasawuf berupaya meyakinkan dan mefokuskan seseorang individu melalui puji-pujian kepada Allah SWT (Yusuf, 2005: 83). Beberapa kajian yang dilakukan oleh pakar luar dan dalam negara juga mempunyai pandangan yang sama iaitu pengetahuan agama merupakan benteng yang kukuh bagi menghalang penularan perlakuan yang tidak bermoral dan melindungi generasi muda serta belia daripada terlibat dengan aktiviti negatif (Michelle et al., 1989; Sabitha, 1995; Hodge et al., 2001; Mahmood Nazar, et al., 2004; Sharifah et al., 2010 dan Fauziah et al. 2012). Hampir semua berpandangan menyatakan bahawa pengetahuan agama dan sosialisasi positif dalam keluarga merupakan senjata yang berkesan untuk membina benteng yang kukuh dalam kalangan generasi muda dan belia agar mereka tidak terjebak dengan aktiviti yang berisiko. Pendekatan keagamaan yang diperkenalkan oleh kem Remaja Berisiko dalam merawat dan memulihkan remaja berisiko melalui terapi psiko-kerohanian boleh dipraktikkan kepada remaja berisiko yang sedang mengikuti programdi luar sana. Modul kerohanian menfokuskan tentang kaedah solat, mengaji, berzikir dan kelas-kelas pengajian Islam. Manakala program inabah pula menggunakan pendekatan keagamaan seperti mandi, zikir, qiyam al-lail, puasa, solat dan menjaga adab dalam merawat individu yang terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah (Zaizul, 2012;2016; 2018; Mahmood Nazar, 2005; Yusuf, 2008). Dapatkan kajian yang dijalankan oleh Dara et al. (2013) mendapati rawatan untuk remaja berisiko melalui kaedah inabah yang memberi tumpuan kepada aspek ketenangan jiwa melalui ilmu tawasuf mampu membersihkan diri dan dapat meyedarkan seseorang individu tentang tujuan asal penciptaan mereka sebagai khalifah Allah SWT dan seterusnya memupuk rasa tanggungjawab yang tinggi dalam diri. Memandangkan aspek keagamaan merupakan elemen yang penting untuk membantu menghindari seseorang individu daripada kembali terjebak dalam melakukan kesalahan yang bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat, maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana tahap pengetahuan agama golongan banduan yang sedang menjalani program kem remaja berisiko. Hasil kajian diharap mampu memberikan input berguna ke arah memantapkan program keagamaan dalam kalangan remaja berisiko yang sedang berusaha menjadi seorang manusia yang berguna dan seterusnya mampu berdikari dan memberikan khidmat bakti kepada negara. Atas dasar itu, objektif kajian adalah untuk mengukur tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja berisiko di seluruh Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang (cross-sectional survey) secara kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif. Analisis deskriptif menurut Chua (2006) merupakan statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri variabel. Manakala reka bentuk keratan-lintang menurut Malhotra, Sham, & Crisp (1996) merupakan suatu kaedah yang melibatkan pengumpulan data terhadap satu jenis sampel daripada populasi yang dikaji secara sekali sahaja berdasarkan kepada atribut responden yang sedia ada. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan hasil kajian. Bagi mengukur hubungan religiositi dan kesihatan dalam kalangan remaja berisiko, alat ukuran dibina sendiri oleh pasukan penyelidik dengan memperoleh nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.812. Jenis item yang digunakan dalam bahagian ini adalah berbentuk Likert empat skala di mana pilihan-pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju. Nilai kebolehpercayaan untuk skala yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu 0.812. Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada remaja berisiko. Remaja berisiko ini adalah para peserta kem remaja yang bertempat di Pusat Latihan Polis Tentera (PULAPOT) di Jalang Genting, Klang, Kuala Lumpur. Kesemua mereka yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada remaja yang dipilih daripada kalangan remaja-remaja berisiko di luar sana di bawah kendalian pihak Perkasa PERMATA dari Jabatan Perdana Menteri. Persampelan rawak bertujuan digunakan untuk memilih remaja-remaja berisiko di seluruh Semenanjung Malaysia. Seramai 30 remaja berisiko yang terdiri daripada bangsa melayu telah

terlibat dalam menjayakan kajian ini. Kerja-kerja pengumpulan data telah dijalankan sebaik sahaja pra-udi borang soal selidik dilaksanakan sepenuhnya serta kebolehpercayaan dan kesahan borang kaji selidik disempurnakan. Sebelum pengumpulan data dimulakan, pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada Perkasa PERMATA dari Jabatan Perdana Menteri untuk menjalankan penyelidikan di PULAPOT. Setelah kelulusan diberikan oleh pihak Perkasa PERMATA, Jabatan Perdana Menteri, pengkaji kemudiannya telah menghubungi dan membuat temu janji dengan para peserta kem yang terlibat bagi menetapkan tarikh sebenar untuk kerja-kerja pengutipan data dilaksanakan. Pengedaran borang soal selidik kajian kemudiannya telah dijalankan secara rawak setelah mendapat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada pihak Perkasa PERMATA, Jabatan Perdana Menteri. Sewaktu kerja-kerja pengutipan data dilakukan, pengkaji telah dibantu oleh Perkasa PERMATA, Jabatan Perdana Menteri menjalankan kerja-kerja pengedaran dan pengutipan data. Kaunselor dan pegawai yang terlibat terlebih dahulu diberikan penerangan dan taklimat ringkas berkaitan kaedah pengumpulan data oleh pengkaji. Seterusnya, Pegawai yang terlibat telah mengumpulkan remaja yang berisiko mengikut bilangan yang dikehendaki dan kemudiannya mengasingkan mereka kepada dua kumpulan seperti berikut:- 1. Remaja yang berisiko yang boleh membaca, dan 2. Remaja yang berisiko yang tidak boleh membaca. Tujuan pengasingan kumpulan berkenaan adalah untuk memudahkan proses bagi melengkapkan borang soal selidik di kalangan responden. Bagi remaja yang berisiko yang boleh membaca mereka telah menjawab setiap soalan pada borang soal selidik yang diedarkan secara sendirian dan diawasi oleh Pegawai Parol dan pengkaji sendiri. Manakala bagi kumpulan remaja yang berisiko yang tidak tahu membaca, Pegawai khas telah ditempatkan di dalam kumpulan mereka untuk membantu membacakan satu persatu soalan yang disediakan dengan tujuan memudahkan proses menjawab soalan. Dalam masa yang sama, pengkaji juga bertindak mengawasi responden sewaktu mereka menjawab soal selidik bagi membolehkan mereka bertanya sekiranya terdapat soalan-soalan yang masih tidak difahami.

Bagi mendapatkan jumlah borang soal selidik yang tepat, pengkaji telah memeriksa setiap helaihan pada borang soal selidik sewaktu pengutipan borang dijalankan. Ia bertujuan memastikan setiap responden mengisi borang soal selidik dengan sempurna dan lengkap. Sekiranya terdapat mana-mana borang yang didapati tidak diisi dengan lengkap, pengkaji akan memulangkan semula kepada remaja yang berisiko dan memastikan mereka menjawab soalan yang tercicir dengan bantuan daripada Pegawai yang dilantik. Melalui pendekatan ini, pengkaji telah berjaya mengumpulkan borang soal selidik yang tepat berdasarkan kepada bilangan sampel yang dikehendaki iaitu sebanyak 30. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ‘Statistical Package for the Social Science for Windows’ (SPSS for Windows). Statistik deskriptif digunakan untuk menentukan frekuensi, peratusan dan purata kajian.

### **Hasil Kajian Dan Perbincangan**

Hasil kajian dan perbincangan dalam kajian ini, pengetahuan agama merujuk kepada pengetahuan tentang asas pendidikan agama, pegangan serta amalan agama yang dipegang oleh para remaja yang dikaji. Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati aspek pengetahuan agama agak membimbangkan dalam kalangan remaja dan usaha yang serius dan bersepadan perlu dirancang oleh pihak JPM untuk memperkuuhkan pengetahuan agama mereka. Ia bertujuan untuk memastikan mereka tidak mudah terpengaruh dengan tingkah laku dan perkara-perkara negatif yang boleh membawa kepada keadaan residivis dan menjelaskan tahap kesejahteraan diri untuk menjadi insan yang berguna. Kajian yang dijalankan oleh Zaizul et al (2018) mendapati remaja yang berisiko yang mempunyai kepatuhan yang tinggi kepada agama merupakan individu yang kurang terdedah untuk melakukan aktiviti jenayah kepada masyarakat. Pengetahuan agama yang baik juga mampu memberikan makna kehidupan kepada seseorang. Bagi remaja yang mempunyai pegangan agama yang kukuh, mereka dijangka kurang terdedah untuk cenderung dan kembali semula melakukan kesalahan-kesalahan lampau yang menyalahi undang-undang dan peraturan negara. Menurut kajian yang dijalankan oleh McDonald dan Gorsuch (2000) dan (Zaizul et al 2018) agama merupakan suatu cara seseorang individu untuk menggunakan keyakinannya dalam menangani tekanan dan masalah-masalah yang wujud dalam hidupnya.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Lewis (2002) dan Zaizul et al (2018) pula mendapati wujudnya perhubungan yang signifikan antara individu yang mempunyai pengetahuan agama dengan kebahagiaan hidup. Menurut Kasberger (2002) dan (Zaizul et al 2018) agama memberikan arah dan makna kehidupan kepada seseorang manusia. Ini adalah kerana seseorang yang mempunyai pengetahuan agama yang tinggi dilihat mampu untuk menguruskan tekanan dan dapat menangani sesuatu keadaan kesukaran dalam keadaan yang tenang.

## **Penutup**

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, pihak berkepentingan adalah disarankan untuk mencari pendekatan dan strategi yang lebih berkesan untuk membantu meningkatkan tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja yang berisiko. Ini kerana hasil kajian mendapati tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja yang berisiko menunjukkan keputusan yang membimbangkan dan sekiranya tidak ditangani mampu memberikan implikasi yang kurang baik ke atas proses pemulihan seseorang manusia itu. Keperluan memperkasakan modul kerohanian dalam kalangan remaja yang berisiko amat diperlukan supaya mereka lebih menjawai dan dapat mengaplikasikan ilmu keagamaan dalam meneruskan kehidupan sehari-hari. Justeru itu, adalah disarankan supaya modul kerohanian keagamaan dijadikan sebagai modul teras dalam program kem remaja berisiko ini. Ia bertujuan untuk memberi kesedaran dan keinsafan yang tinggi dalam kalangan remaja yang berisiko agar mereka dapat membina kekuatan diri dan peribadi. Selain itu ia juga membolehkan remaja mengamalkan sifat-sifat yang terpuji dan menjauhi sifat yang tercela sehingga mampu membimbing mereka untuk menjadi seorang yang produktif dan berakhhlak mulia. Modul keagamaan ini perlu dipertingkatkan dengan memberi penekanan dan pendedahan secara konsisten tentang hukum dari aspek keagamaan bagi mereka yang melakukan perkara-perkara yang menyalahi peraturan dan bertentangan dengan nilai-nilai agama. Pihak berkepentingan juga adalah disarankan untuk menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih kukuh dengan guru-guru agama yang bertauliah untuk bersama-sama membantu membimbing remaja yang berisiko ke arah kehidupan yang lebih sejahtera sewaktu mereka berada dalam program kem remaja supaya apabila mereka kembali ke dalam masyarakat dapat menjadi insan yang lebih baik dan berjasa kepada bangsa, agama dan negara.

## **Penghargaan**

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan melalui "Geran Cabaran Perdana" kod penyelidikan (DCP-2017-006/4) dan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) kod penyelidikan: FRGS/1/2011/SS/UKM/02/26. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, UKM dan semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

## **Rujukan**

- O'Connor, T., P. & Perreyclear, M. 2002. Prison Religion in Action and Its Influence on Offender Rehabilitation. *Journal of Offender Rehabilitation*. 35(3-4): 11-33.
- Alarid, F.L., Cromwell, P & Del Carmen, V. R. (2008). Community-Based Corrections 7th edi. Australia: Wadsworth Cengage Learning. e-BANGI Vol 8, No. 2 (2013):001-010
- Allen, R.S., Harris, G.M., Crowther, M.R., Oliver, J.S., Cavanaugh, R., Philips, L.L. (2012). Does religiousness and spirituality moderate the relations between physical and mental health among aging prisoners? *International Journal of Geriatric Psychiatry*.
- Byron R. Johnson. 2006. Better Kind of High: How Religious Commitment Reduces Drug Use Among Poor Urban Teens, Manhattan Institute for Policy Research, Center for Research on Religion and Urban Civil Society Report No. 2000-2. at [www.manhattan-institute.org/html/cr\\_12.htm](http://www.manhattan-institute.org/html/cr_12.htm) (December 6, 2006).
- Chua Yan Piaw. 2006. Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Pendidikan. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Edward M. Adlaf, 1985. Drug Use and Religious Affiliation: Feelings and Behavior, *British Journal of Addiction*, Vol. 80, No. 2, pp. 163-171.
- [16] Hoesni, S. M., Hashim, I. H. M. & Ab Rahman, Z. (2012). *A Preliminary Study: What Is Love in a Marriage?*. Asian Social Science Vol. 8, No. 9; July 2012. Pages 57-65.
- Hodge, D. R., Cardenas, P. & Montoya, H. 2001. Substance use: Spirituality and religious participation as protective factors among rural youths. *Social Work Research*, 25(3), 153-

161. Jamal Ali, Sallahuddin Hassan & Noor Al-Huda Abdul Karim. 2009. Kos ekonomi penyalahgunaan dadah. *Jurnal AntiDadah Malaysia* Jilid 6, No. 2, Dis 2009.
- Kasberger. E.R. 2002. A Correlational Study of Post-Divorce Adjustment and Religious Coping Strategies in Young Adults of Divorced Families. Second Annual Undergraduate Research Symposium CHARIS Institute of Wisconsin Lutheran College. Milwaukee. Lewis, C. A. 2002. Church attendance and happiness among Northern Irish undergraduate Malhotra, N.K., Hall, J., Sham, M & Crisp, M. (1996). *Marketing Research: Applied Orientation* (1st Edition). Sydney: Prentice Hall.
- Jaffary Awang, Ahmad Sunawary Long & Zaizul Ab Rahman (2017). *Gaya Kepimpinan Pengetua Kolej Kediaman Universiti Kebangsaan Malaysia Dengan Kepuasan Kerja Kakitangan: Ke Arah Perkembangan Profession Kepengetuaan*. West Asia Civilization Research Group Faculty UTM Vol. 1, Issues 1, Pages 20-40.
- Jaffary Awang, Mutsalim Khareng, Zaizul Ab Rahman, Rohanee Machae & Khaidzir Ismail (2016). *Social Interaction: A Study on the Openness Attitude of Both Religion Believers towards the Other Believers in the Southern Thailand*. Asian Social Science; Vol. 12, No. 7; 2016, 66-74.
- [19] J Wan Azreena N Sarnon, MS Mohamad, I Fauziah, K Alavi, S Nen, SM Hoesni & R Zaizul. (2012). *Hamil Luar Nikah: Memahami Remaja Sebagai Intervensi Keluarga*. Journal of Social Sciences and Humanities, Vol. 7, Issues 1, Pages 121-130.
- Johnson, B., Spenser, D.L, David, B.L, & Micheal, M. (2000). A Systematic Review of the Religiosity and Delinquency Literature. *Journal of Contemporary Criminal Justice*. 16(1):32-52.
- Fauziah Ibrahim. 2012. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Jurnal eBangi*, 7 (8) 084-093, April Special Edition, 2012.
- Michelle, C., Thomas, R.M. & Sinyangwe, I.M. 1989. Adolescent Conceptions of „Moral”: Haiti The United States, & Zambia. *Youth & Society*, 21 (2). Mohd Rohani Mat Diah, Elangovan Muniandy & Muhammad Yazid Ismail 2009. Senario penyalahgunaan dadah bagi tahun 2009. *Jurnal AntiDadah Malaysia* Jilid 5, No. 1, Jun 2009.
- Morgan M and Grube JW. 1991. Closeness and peer group influence, *British Journal of Social Psychology*, 30, 159-169 online: <http://bpsoc.publisher.ingentaconnect.com/content/bpsoc/bjsp>
- Mohd Al Adib Samuri, Zuliza Mohd Kusrin, Noor Aziah Mohd Awal, Amir Husin Bin Mohd Nor, Salasiah Binti Hanin Hamjah & Zaizul Bin Ab Rahman (2013). *The Rehabilitation Theory in Adjudicating Child Offenders and Its Application in Malaysia*. Asian Social Science; Vol. 9, No.
- Muhammad Yusuf Khalid. 2005. Gejala sosial dan penyelesaiannya dari perspektif tasawuf. Dalam Syamsul Bahri Andi Galigo, Khairunnezzam Mohd Noor, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Rozali dan Rozita Abdullah (Eds), membangun masyarakat moden yang berilmu dan berakhlik. Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia, Kuala Lumpur. e-BANGI Vol 8, No. 2 (2013):001-010 10
- Mutsalim Khareng, Jaffary Awang, Rohanee Machae, Zaizul Ab Rahman, Muhamad Razak Idris & Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar (2016). *Roles Of Freedom Of Religion: In Supporting The Formation Of Openness Attitude Among The Southern Of Thailand Society*. Global Journal Al-Thaqafah. Volume 6. Issue 2, 59-71
- Mutsalim Khareng, Jaffary Awang, Rohanee Machae, Zaizul Ab Rahman & Khaidzir Ismail (2016). *Issues in Freedom of Religion and the Relationship with Thailand's Constitution*. Mediterranean Journal of Social Sciences, Vol 7 No 4. Page 287-294.
- Nasir Omar & Zaizul Ab Rahman (2018). *Greek Ethical Treatises In Arabic: An Analysis Of The Catalogue Of The Great Moralist, Miskawayh (D. 1030)* Science International Journal. Volume 30; Issue 3, Page 183-186.
- Rafiza binti Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long & Zaizul Ab Rahman (2017). *Homeless Requirements Of Religious Support System*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol. 4 Bil. 1 (2017), pages 82-92.

- Rafiza Mohamed, Ahmad Sunawari Long, Zaizul Ab Rahman &Jaffary Awang. (2018). *Ngo Social Interaction Concept To Deliver Kuala Lumpur Homeless*, International Journal Of Civil Engineering And Technology (IJCET). IAEME Publication. Volume 9 Issue 6 p. 1456–1463
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Ahmad Tarmizi Talib. 2010. Penyelesaian permasalahan belia dari perspektif agama. Malaysia Journal of Youth Studies. 3: 38-52.
- Roman, C.G., Wolff, A., Correa, V., & Buck, J. 2007. Assessing Intermediate Outcomes Of a Faith-Based Residential Prisoner Reentry Program. Research on Social Work Practice. 17 (2) : 199-215
- Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Suzana Mohd Hoesni & Zaizul Abdul Rahman (2012). *Kajian Kes Inses Bapa-Anak Perempuan: Memahami Pengalaman Dari Perspektif Mangsa*. Journal of Social Sciences and Humanities, Vol. 7, Issues , Pages 146-58
- Sabitha Marican & Mahmood Nazar Mohamed. 1995. Pencemaran Budaya Remaja: Siapakah Yang Bertanggungjawab. Jurnal Kebajikan Masyarakat, 18(1), 21-35. students: No association. Pastoral Psychology, 50, 191-195.
- Siti Nur Najiah binti Adnan, Jaffary Awang, Zaizul Ab Rahman, Mazlan Ibrahim, Ahmad Sunawari Long, Mohd Haidhar Kamarzaman, Muhammed bin Yusof, Shahrulanuar bin Mohamed. (2018). *The 'Umran Al 'Alam Theory's Approach To The Social Smart City Ethical*. International Journal Of Civil Engineering And Technology (IJCET). IAEME Publication. Volume 9 Issue 7, p. 269–277.
- Syarifah, M.N., Turiman, S., Syamsilah, R., Rahil, M., Haslinda, A., Ismi Arif, I. & Mursyid, A. 2010. Laporan Kajian Fenomena Merempit dan Potensi Remaja Lasak di FELDA. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Wong-McDonald A, Gorsuch RL. Surrender to God: An additional coping style? Journal of Psychology and Theology. 2000;28:149–161.
- Zaizul Ab. Rahman, Mohd Nasir Omar, 2017. *Yahya Ibn 'Adi Perspective on Islamic Psychotherapy*. Proceeding International Conference on Sociality and Humanities 2017, p. 973-982.
- Zaizul Ab. Rahman. (2012). *The Role Of Fitrah As An Element In The Personality Of A Da'i In Achieving The Identity Of A True Da'i*. International Journal of Business and Sosial Sciences. Vol. 3, No. 4, Special Issue, February 2012, p. 165- 175.
- Zaizul Ab. Rahman (2013), *Hubungan Ketagihan Kerja dan Kefungsian Kekeluargaan di antara Banduan: Satu Kajian Kes di Penjara Kajang*, Tesis Sarjana, Bangi : Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zaizul Ab Rahman, Abdull Rahman Mahmood Ahmad Sunawary Long, Mohd Haidhar Kamarzaman, Faudzinain Badaruddin, Indriaty Ismail, Jaffary Awang, Siti Norul Huda Sheikh Abdullah, Wan Hamidon Wan Badaruzzaman. (2018). *Family Environment And Confidence Consumption At The Center Of Recovery*, International Journal Of Business And Social Science, United State Of America (USA), Vol. 9, No 2, February 2018, p. 210-214.
- Zaizul Ab Rahman, Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari, Norulhuda Sarnon, Salina Nen, Nasrudin Subhi, Mohd Nasir Selamat, Shahrul Nazmi Sannusi, Abdull Rahman Mahmood. (2018). *Elementary Fardhu Ain' Education that Forms A Behaviorul Index for Adolescents Living in Community Housing (PPR) Areas in Klang Valley Malaysia*. International Journal Of Business And Social Science, United State Of America (USA), Vol. 9, No 3 Mac 2018, p. 116-121.
- Zaizul Ab Rahman, Jaffary Awang, Abdull Rahman Mahmood, Ahmad Sunawari Long, Kamaruddin Salleh, Faudzinain Badaruddin. (2018). *Leadership Style of The Residential College Principal in National University of Malaysia and the Staff Working Satisfaction: Towards the Professional Development of Residential College Principal*. International Journal Of Business And Social Science, United State Of America (USA), Vol. 9, No 3 Mac 2018, p. 164-168.
- Zaizul Ab Rahman, Fauziah Ibrahim & Nasrudin Subhi (2018). *Faktor Keagamaan Yang Mempengaruhi Semangat Perpaduan Dalam Kalangan Remaja Yang Tinggal Di Kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR)*. Global Journal Al Thaqafah (GJAT). Volume 8 Issue 1, p. 103-114.
- Zaizul Ab Rahman, Ahmad Sunawari Long, Kamaruddin Salleh, Jaffary Awang Nasrudin Subhi. (2018). *Application Of Islamic Spiritual Approaches In Treating Problematic Behaviors*

*Among Teenagers In Risk International Journal Of Civil Engineering And Technology (IJCET). IAEME Publication. Volume 9 Issue 6, p. 1237-1246.*

Zaizul Ab Rahman, Jaffary Awang, Mazlan Ibrahim, Mohd Haidhar Kamarzaman, Muhammed bin Yusof, Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Shahrulanuar bin Mohamed. (2018). *Element Of Silent Repetition Of Prayers And Self-Reflection Or Introspection Approaches In Coping Problematic Behaviors Among Adolescents*. International Journal Of Civil Engineering And Technology (IJCET). IAEME Publication. Volume 9 Issue 7, p. 261-268.

Zaizul Ab Rahman, Nurul Nadhirah Zahari, A'Dawiyah Binti Ismail, Siti Norul Huda Sheikh Abdullah & Nur Riza Binti Mohd Suradi (2018). *The Relationship Between SelfConcept And Family Functioning In The Teenagers At Risk*. International Journal Of Civil Engineering And Technology (IJCET). IAEME Publication. Volume 9 Issue 7, p. 2003-2010.

Zidni Nuran Noordin, Zaizul Ab. Rahman. (2017). *Perbandingan Proses Tazkiyah Al-Nafs Menurut Imam Al-Ghazali Dan Ibnu Qayyim*. Jurnal Al-Turath volume 2 issue 1, p. 37- 46.